

**11/09/2014 - Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Perjawatan  
Pihak Berkuasa Tempatan Dan badan Berkanun Negeri Johor**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamu'alaikumwarahmatullahiwabarakatuh & Salam  
1Malaysia

YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

YBhg. Datuk Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

YB. Dato' Haji Ismail bin Karim  
Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

YB. Tuan Haji Marsan bin Kassim  
Pegawai Kewangan Negeri Johor

YBhg. Tuan Haji Norizan bin Kulob  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

YBhg. Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) /  
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor

YBhg Ketua-ketua Jabatan,

YBhg Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana di atas **limpah** kurnia dan izinNya jua, dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini di dalam **Majlis Penyerahan Surat Kelulusan Perjawatan** kepada **lima belas (15) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** dan **tujuh (7) Badan Berkanun Negeri (BBN)**, Negeri Johor Darul Takzim.
3. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada para hadirin sekalian di atas kesudian untuk bersama-sama hadir ke Majlis ini. Sesungguhnya **Majlis ini merupakan satu bentuk pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan ke atas prestasi dan sumbangan pegawai-pegawai di peringkat PBT dan BBN**, bukan sahaja khusus untuk Negeri Johor, tetapi di seluruh negara secara amnya.

#### **KAJIAN PENAMBAHBAIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN PENGUKUHAN PERJAWATAN DI PBT DAN BBN**

4. Sukacita saya memaklumkan bahawa sehingga kini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan kajian penambahbaikan struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan di **98 PBT** dan **67 BBN** seluruh negara kecuali di Sabah dan Sarawak. Kajian yang dimulakan pada bulan April 2014 ini, diadakan dengan tujuan untuk menambahbaik laluan

kerjaya dan mobiliti pegawai. Ia juga bertujuan memastikan semua PBT dan BBN mempunyai struktur organisasi yang optimum dan relevan agar agensi berkenaan dapat melaksanakan semua fungsinya dengan baik, efisien dan efektif.

5. Untuk **Negeri Johor Darul Takzim**, kajian penambahbaikan ini telah melibatkan **lima belas (15) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** dan **tujuh (7) Badan Berkanun Negeri (BBN)**, dan telah pun dimuktamadkan dalam bulan Julai yang lalu. Secara keseluruhannya, kajian di peringkat PBT di negeri Johor telah melibatkan **5,475 perjawatan** dan beberapa penambahbaikan telah dibuat. Di antaranya ialah:-

- i. Menaik taraf jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Baharu Tengah dari gred 54 ke gred Utama C;
- ii. Menaik taraf tujuh puluh tujuh (77) jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana pelbagai skim perkhidmatan dan gred; dan
- iii. Pewujudan sebanyak tiga puluh enam (36) jawatan baharu pelbagai skim perkhidmatan dan gred.

6. Untuk **Badan Berkanun Negeri (BBN)** pula, kajian melibatkan **794 jawatan** dan di antara penambahbaikan yang telah dibuat ialah:-
- i. Menaik taraf tiga belas (13) jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana pelbagai skim perkhidmatan dan gred; dan
  - ii. Pewujudan sembilan puluh dua (92) jawatan baharu sebanyak pelbagai skim perkhidmatan dan gred.
7. Saya percaya dengan penambahbaikan yang telah dilaksanakan ini, PBT dan BBN akan dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan berkesan seterusnya menaikkan imej perkhidmatan awam.

## **KEPRIHATINAN KERAJAAN TERHADAP PENJAWAT AWAM**

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Kebajikan penjawat awam merupakan satu keutamaan bagi diri saya. Kebajikan seseorang penjawat awam itu boleh diukur melalui pelbagai unsur seperti emolumen, kemudahan kesihatan, suasana tempat bekerja dan juga aspek peluang kenaikan pangkat dan laluan kerjaya pegawai dan kakitangan.

Sepertimana yang saya nyatakan di awal ucapan saya tadi, majlis ini adalah merupakan satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberi oleh Kerajaan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pengiktirafan ini membuktikan bahawa Kerajaan mempunyai kepercayaan serta keyakinan penuh terhadap keupayaan dan kewibawaan tuan-tuan dan puan-puan untuk memimpin perkhidmatan awam amnya, dan menyediakan perkhidmatan teras berkaitan PBT dan BBN masing-masing kepada pelanggan.

9. Kerajaan juga melalui agensi-agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan secara berterusan menjalankan penelitian semula ke atas aspek-aspek berkaitan perkhidmatan dan kebajikan penjawat awam yang boleh ditambahbaik selaras dengan perkembangan tahap sosio-ekonomi negara dan dunia semasa.

10. Selain daripada penambahbaikkan yang telah dilaksanakan dalam kajian penyusunan semula PBT dan BBN, Kerajaan juga pada tahun 2013, telah memantapkan pembangunan kerjaya penjawat awam melalui **penambahbaikkan 81 skim perkhidmatan**. Secara ringkasnya, penambahbaikkan ini merangkumi:-

- o kenaikan taraf skim perkhidmatan berikutan penetapan kelayakan masuk minimum kepada peringkat Penilaian

Menengah Rendah (PMR). Dengan penambahbaikan ini, skim-skim perkhidmatan di gred gaji 1 hingga gred gaji 10 dinaiktaraf kepada gred gaji 11;

- o penggabungan skim perkhidmatan dengan tujuan mengembangkan pelbagai kepakaran/kemahiran, penambahbaikan peluang kemajuan kerjaya dan mobiliti pegawai. Melalui proses ini, 19 skim perkhidmatan telah digabungkan kepada 7 skim perkhidmatan; dan
- o pewujudan skim perkhidmatan bersepadu dengan tujuan penambahbaikan peluang kemajuan kerjaya berasaskan kesinambungan perkhidmatan yang melibatkan penggabungan 9 skim perkhidmatan kepada 5 skim perkhidmatan.

Untuk tahun 2014, **kesemua 252 skim perkhidmatan lain sedang dikaji semula dan ditambah baik**. Proses kajian ini dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir tahun ini.

11. Kesemua ini menggambarkan keperihatinan dan keseriusan Kerajaan dalam menjaga kebajikan penjawat-penjawat awam dengan harapan penjawat awam dapat menyediakan satu perkhidmatan yang terbaik dan menunjukkan pretasi kerja yang tinggi.

**KEYAKINAN RAKYAT TERHADAP KEUPAYAAN KERAJAAN MENTADBIR NEGARA BERGANTUNG KEPADA PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

**12. Transformasi perkhidmatan awam merupakan prakarsa yang menyokong Agenda Transformasi Negara** bagi mempertingkatkan daya saing dan mencapai visi untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, inklusif dan lestari menjelang tahun 2020. **Pencapaian negara daripada segi kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, kadar pengangguran dan kos inflasi yang rendah adalah tidak mencukupi. Rakyat juga memerlukan sebuah perkhidmatan awam yang dapat memberikan perkhidmatan secara cekap, efisien dan tanpa birokrasi.** Selain daripada agensi-agensi kerajaan barisan hadapan seperti Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara, **Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkuasa Negeri juga berinteraksi secara langsung dengan rakyat.** Malah, tuan-tuan dan puan-puan yang bertugas di PBT memainkan peranan penting dalam mempengaruhi persepsi dan tanggapan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan kita mentadbir negara. **Sekiranya PBT tidak memberikan perkhidmatan yang memuaskan, nescaya rakyat** khususnya penduduk di kawasan luar bandar dan kampung, akan berasa marah, **tidak puas hati dan seterusnya hilang keyakinan kepada Kerajaan yang memerintah. Kita sebagai penjawat awam juga telah gagal sekiranya perkara sedemikian berlaku, kerana sebagai penjawat awam, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk**

melaksanakan dasar Kerajaan dalam memastikan rakyat mendapatkan perkhidmatan awam terbaik.

13. **Kehendak dan ekspektasi pelanggan hari ini semakin meningkat**, terutamanya bagi perkhidmatan yang disediakan dibarisan hadapan. Peningkatan dalam pengetahuan dan kemajuan dalam bidang komunikasi serta teknologi maklumat menjadikan prestasi perkhidmatan awam lebih mudah untuk diteliti dan dinilai oleh masyarakat. Aspek seperti kepantasan, kualiti perkhidmatan dan integriti dalam penyediaan perkhidmatan menjadi kayu penilai utama oleh pelanggan. Oleh itu, saya menyeru semua penjawat awam untuk menjadi lebih responsif dan menyediakan perkhidmatan yang disesuaikan kepada kehendak pelanggan. Bagi mencapai hasrat ini, **penekanan kepada aspek inovasi dan kreativiti** amat penting kerana ia akan membolehkan kita berfikir di luar kotak dan mempelbagaikan pendekatan dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat.

14. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak telah memperkenalkan **tiga prinsip untuk menjadi pekerja yang berinovasi** semasa Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2014 Peringkat Kebangsaan pada 21 Jun 2014 yang lalu, iaitu:

- i. **Budaya kreativiti dan inovasi**, untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan yang bersifat lonjakan berganda;

- ii. **Nilai tambah dan kompetensi**, yang mana amalan kerja biasa digantikan dengan amalan kerja yang luar biasa; dan
- iii. **Permuafakatan Kerja**, iaitu tidak bekerja secara silo.

15. Saya berharap kita bukan hanya sekadar mengingati prinsip-prinsip ini, tetapi paling penting, mempraktikkan dalam tugas harian kita. Pendekatan-pendekatan berasaskan inovasi seperti pendekatan **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** (NBOS) boleh digunakan dalam penyediaan perkhidmatan kepada pelanggan. Pendekatan ini jika dilaksanakan akan dapat **mengurangkan tekanan ke atas PBT dalam aspek keperluan sumber manusia yang besar** kerana pelaksanaan satu-satu tugas atau perkhidmatan itu dapat ditampung bersama dengan agensi kerajaan lain melalui perkongsian sumber secara strategik. Pendekatan dan kaedah **penyelesaian masalah juga akan dapat ditambahbaik** apabila proses penyelesaian itu melibatkan perbincangan diantara pelbagai agensi dengan latarbelakang yang berbeza. Ia juga dapat **menunjukkan kepada rakyat bahawa agensi kerajaan tidak bekerja secara berasingan** tetapi disatukan dengan matlamat yang sama, iaitu menyampaikan perkhidmatan awam yang dapat memenuhi ekspektasi rakyat.

## **TADBIR URUS YANG BAIK**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

16. Di samping membudayakan transformasi dalam perkhidmatan awam bagi menghadapi ekspektasi rakyat yang semakin meningkat, Kerajaan sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui tadbir urus yang baik. **Amalan tadbir urus yang baik akan memastikan agenda pembangunan negeri dapat dicapai** serta menjadikan negeri-negeri tersebut mempunyai daya saing yang tinggi dengan wujudnya sikap telus, integriti dan akauntabiliti di kalangan penjawat awamnya.
  
17. Ke arah ini, besarlah harapan saya agar semua PBT dan BBN serta semua warganya mengamalkan tadbir urus yang baik, dengan **memberi tumpuan terhadap dua aspek** berikut:
  - i. **Prestasi**, di mana PBT dan BBN memberi fokus kepada pencapaian dan penyediaan perkhidmatan yang cekap, pantas dan berkesan seperti yang diharapkan oleh *stakeholders*, di samping memastikan wujudnya **nilai untuk wang** (*value for money*), dan pengurangan pembaziran sumber atau dana; dan
  
  - ii. **Pematuhan**, di mana semua PBT dan BBN akan sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai

dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran dan akauntabiliti.

## **PENUTUP**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

18. Saya menyeru agar kita semua berusaha gigih dalam memenuhi ekspektasi *stakeholder* dan pelanggan kita. Marilah sama-sama kita melipatgandakan tekad kita dalam mendukung inisiatif-inisiatif transformasi yang diilhamkan oleh pucuk kepimpinan Negara serta Negeri dan diterjemahkan dalam tahap perkhidmatan yang disediakan.
19. Selain itu, saya juga ingin mengingatkan dan menekankan bahawa **kita perlu sentiasa menjaga imej dan nama baik Perkhidmatan Awam** keseluruhannya kerana segala tindakan dan percakapan kita akan diteliti dan diperhatikan, dan sebarang kepincangan akan dijadikan sasaran kritikan terutamanya bagi saudara-saudari yang berada di barisan hadapan.
20. Akhir kata, saya berharap saudara-saudari sekalian kesemuanya akan dapat bekerja dengan lebih gigih, berdedikasi dan penuh integriti demi meningkatkan tahap kualiti kehidupan masyarakat serta menjana pembangunan sosio-ekonomi Negeri Johor Darul Takzim secara khususnya dan negara secara amnya.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh